





Information Security Management System ISO/IEC 27001:2013

SERVER HANDLING AT CENTRE OF
RESPONSIBILITIES POLICY

POLISI PENGENDALIAN PELAYAN DI PUSAT
TANGGUNGJAWAB



For PTM Use Only	Version 1.0	Date: 15th December 2017
Written By: Junnaini Ismun Ketua Bahagian Pengurusan Pusat Data, PTM	Verified By: Nor'ain Mohamed Wakil Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMR)	Approved By: ICT Council

 UNIVERSITI MALAYA	SERVER HANDLING AT CENTRE OF RESPONSIBILITIES POLICY POLISI PENGENDALIAN PELAYAN DI PUSAT TANGGUNGJAWAB	
Doc No : UM-ISMS-POL-DC-008	Version 1.0	Effective Date : 9th Januari 2018

Revision History

No	Date of Change	Description	Page	Version	Approved By
1					
2					
3					
4					
5					

ORIGINAL COPY

 UNIVERSITI MALAYA	SERVER HANDLING AT CENTRE OF RESPONSIBILITIES POLICY POLISI PENGENDALIAN PELAYAN DI PUSAT TANGGUNGJAWAB	
Doc No : UM-ISMS-POL-DC-008	Version 1.0	Effective Date : 9th Januari 2018

1.0 Tujuan



Menjelaskan kepada staf yang ditugaskan mengendalikan pelayan di PTj tentang peranan dan tanggungjawab pengendalian, penyelenggaraan preventif dan *troubleshooting* ke atas pelayan di PTj.

2.0 Skop

Polisi ini terpakai kepada semua pentadbir pelayan dalam Universiti Malaya.

3.0 Polisi

- 3.1 PTj yang mempunyai pelayan perlu mempunyai staf yang boleh menyelenggarakan pelayan dan melaksanakan peraturan yang ditetapkan oleh PTM.
- 3.2 Pelayan di PTj mesti diurus oleh staf PTj sepenuhnya.
- 3.3 Pelayan di PTj hanya boleh dicapai dari dalam kampus sahaja.
- 3.4 Kebenaran untuk capaian dari luar hanyalah bagi pelayan-pelayan yang menyokong aplikasi/servis bagi tujuan rasmi. PTj hendaklah meminta kebenaran PTM untuk membolehkan capaian dari luar kepada pelayan PTj. Permohonan boleh dibuat menggunakan **Borang Permohonan Capaian Port**.
- 3.5 PTM berhak melakukan imbasan keselamatan ke atas pelayan PTj sebelum ia dibenarkan berada dalam rangkaian Universiti.
- 3.6 PTj bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan pelayan.
- 3.7 PTj perlu memberi maklumat pelayan kepada PTM untuk tujuan keselamatan ICT.
- 3.8 Pemantauan keadaan fizikal komputer pelayan hendaklah dilaksanakan secara berkala. Jika ada kerosakan, tindakan pemulihan hendaklah diambil.
- 3.9 Pelayan hendaklah dipasang perisian anti malware. Kekemaskinian perisian dan signature antivirus/spyware di dalam pelayan hendaklah sentiasa disemak. Jika tidak dikemaskini, langkah untuk update perlu diambil.

 UNIVERSITI MALAYA	SERVER HANDLING AT CENTRE OF RESPONSIBILITIES POLICY POLISI PENGENDALIAN PELAYAN DI PUSAT TANGGUNGJAWAB	
Doc No : UM-ISMS-POL-DC-008	Version 1.0	Effective Date : 9th Januari 2018

- 3.10 Log antivirus sama ada pelayan dijangkiti virus atau tidak hendaklah sentiasa disemak. Jika dijangkiti, tindakan penghapusan virus perlu diambil.
- 3.11 Pelayan hendaklah sentiasa dipasang dengan tampalan keselamatan (security patch) yang terkini bagi melindungi pelayan dari jangkitan malware dan godaman.
- 3.12 Pemantauan penggunaan sumber-sumber di dalam pelayan seperti CPU, RAM dan hard disk hendaklah dilaksanakan secara berkala.
- 3.13 Jika sumber-sumber CPU, RAM dan hard disk tersebut benar-benar tidak mencukupi dan telah menjejaskan atau dijangka akan menjejaskan prestasi sistem dalam masa terdekat, langkah penaiktarafan perlu diambil.
- 3.14 PTM berhak untuk disable rangkaian bagi pelayan-pelayan PTj yang menyerang rangkaian UM sehingga tindakan baikpulih diambil.
- 3.15 Pemantauan servis dan capaian rangkaian pelayan hendaklah dijalankan secara berkala.
- 3.14.1 Semak *availability* servis(contoh servis web,pangkalan data, lesen, dsb). Jika servis terjejas, ambil langkah pemulihan.
- 3.14.2 Uji akses ke rangkaian dari pelayan. Jika akses gagal, ambil langkah untuk mencari punca kegagalan. Jika punca kegagalan berada di dalam bidang kuasa PTj, ambil langkah pemulihan. Jika punca kegagalan berada di luar bidang kuasa PTj, laporkan kepada Bahagian Rangkaian dan Perkhidmatan ICT untuk pemulihan.
- 3.14.3 Jika perkakasan mempunyai sokongan dari pihak ketiga, mohon bantuan pihak ketiga untuk proses pemulihan
- 3.14.4 Jika perkakakan tidak mempunyai sokongan pihak ketiga, PTj perlu mendapatkan khidmat kontraktor yang bersesuaian secara ad-hoc.